



WAN Ahmad Syakirin mendengar hafazan Salmah (kiri) dan Umi Kalsom di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah, Kampung Bukit Belimbing.

HATI HATI METRO AHAD 29/12/2019 MS 04

# 'BANK' KUMPUL SAHAM AKHIRAT

Berghuni untuk beli rumah wakaf

## 'Saya bersyukur dapat beli rumah wakaf'

**Kuala Selangor:** "Saya bersyukur dapat membeli rumah wakaf dan berharap lebih ramai memperoleh manfaatnya," kata Umi Kalsom Abd Rahman, 61.

Umi Kalsom ialah seorang daripada 97 penghuni Pondok Warga Emas Nurul Hasanah yang membeli rumah wakaf di pondok berkenaan untuk mempelajari al-Quran.

Bekas peniaga itu berkata, pengalaman menghidap penyakit tiroid sehingga mengakibatkan dia tidak dapat berjalan membuka pintu hatinya untuk mempelajari dan mendalami Kalam Allah.

"Anak memperkenalkan pondok ini kepada saya dan hati sudah terpaut dengan suasana persekitarannya ketika pertama kali menjejakkan kaki ke tempat ini.

"Saya membeli dua rumah wakaf ini berharga

"Sebelum ini saya hanya mengetahui asas al-Quran tetapi hasil bimbingan tenaga pengajar dan bantuan rakan-rakan, akhirnya boleh membaca al-Quran dengan lancar dalam masa setahun.

"Alhamdulillah saya sudah menghafal juzuk 30 dan empat surah pilihan utama yang lain," katanya.

Bagi pesara kerajaan Salmah Mohamad, 68, berkata, sebelum ini dia banyak mengisi masa lapang dengan membaca novel selepas bersara 12 tahun lalu.

"Bagaimanapun segalanya berubah apabila menjadi penghuni pondok ini yang mana al-Quran kini menjadi 'sahabat karib' saya.

"Sejak dahulu lagi saya membaca al-Quran dan ada mengikuti kelas di kampung halaman di Perak," katanya.

Oleh Nor 'Asyikin  
Mat Hayin  
asyikin.mat@-  
hmetro.com.my

## Penghuni perlu beli rumah wakaf, dudukinya sepanjang pelajari al-Quran

### Kuala Selangor

Pondok Warga Emas Nurul Hasanah ibarat 'bank' mengumpul saham akhirat kepada 97 penghuninya menerusi pembelian rumah wakaf untuk mempelajari al-Quran.

Ini kerana pewakaf turut mendapat pahala berterusan apabila pondok itu diwakafkan kepada pelajar lain yang mempelajari Kalam Allah di pondok berkenaan selepas mereka meninggal dunia atau tidak dapat meneruskan kelas al-Quran disebabkan masalah kesihatan.

Timbalan Mudir Pondok Warga Emas Nurul Hasanah, Wan Ahmad Syakirin Wan Ibrahim berkata, terdapat 102 rumah wakaf di pondok berkenaan yang beroperasi sejak 2011.

Menurutnya, pondok itu menempatkan 97 penghuni



berusia 50 hingga 88 tahun dan penubuhannya diasaskan seorang penceramah bebas Yusri Abd Karim.

"Mereka perlu membeli rumah wakaf berharga RM35,000 dan RM45,000 serta mendudukinya sepanjang mempelajari al-Quran di sini.

"Waris akan dipanggil untuk diberikan penjelasan



*Antara syarat ditetapkan ialah waris tidak boleh membuat sebarang tuntutan ke atas rumah ini jika pewakaf meninggal dunia atau tidak dapat meneruskan kelas al-Quran kerana masalah kesihatan"*

**Wan Ahmad Syakirin**

mengenai syarat pembelian rumah wakaf itu bagi mengelakkan timbul masalah di kemudian hari.

"Antara syarat ditetapkan ialah waris tidak boleh membuat sebarang tuntutan ke atas rumah ini jika pewakaf meninggal dunia atau tidak dapat meneruskan kelas al-Quran kerana masalah kesihatan," katanya.

Tambahnya, setakat ini pencapaian membanggakan apabila dua penghuni warga emas pondok berkenaan berusia 65 dan 68 tahun berjaya menghafal tiga juzuk serta beberapa surah pilihan utama iaitu Al-Mulk, Sajadah, Yasin dan Ad-Dukhan.

"Kebolehan mereka menghafal tiga juzuk ini dan surah pilihan utama adalah pencapaian luar biasa bagi seorang warga emas.

"Kejayaan mereka diraikan dalam Majlis Konvokesyen Kali Kedua yang diadakan baru-baru ini," katanya.

Jelasnya, penubuhan pondok itu bertujuan menyediakan peluang pembelajaran al-Quran secara teratur merangkumi tajwid, makhraj huruf, kelancaran bacaan dan Talaqqi Musafahah (mempelajari kalam Allah terus daripada sebutan guru) untuk warga emas serta kanak-kanak.

nilai wakaf ini bernilai RM70,000 untuk diduduki sepanjang belajar di sini," katanya dan menambah pelaburan itu sebagai saham akhiratnya.

Menurutnya, dia tidak menyesal melepaskan waktu berharga di samping lima anaknya dengan memilih tinggal bersendirian di rumah itu sejak tiga tahun lalu.

Katanya, ini adalah peluang terbaiknya untuk mempertingkatkan amalan terutamanya ilmu al-Quran yang tidak dapat dilakukan ketika muda kerana sibuk menguruskan perniagaan kedai makanan.



UMI Kalsom